

Naza TTDI lancar projek baru bernilai RM395 juta

Kuala Lumpur: Naza TTDI, pemaju hartanah milik persendirian akan melancarkan projek terbarunya, TTDI Ayana pada separuh kedua 2018 dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM395 juta.

TTDI Ayana yang bakal dibangunkan di kawasan bekas tanaman getah seluas 5.14 hektar bakal bertukar wajah menjadi pembangu-

nan mewah dengan 212 unit kondominium dan 112 unit vila bandar.

Menyasarkan rumah yang boleh didiami oleh tiga generasi, unit ini berkeluasan antara 1,421 kaki persegi hingga 3,090 kaki persegi.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI Sdn Bhd Datuk Idzham Mohd Hashim berkata,

pembangunan yang terletak di Kwasa Damansara ini bertemakan kehidupan lestari.

“Penduduk TTDI Ayana bakal menikmati kehidupan resort dengan 55 peratus tanahnya diperuntukkan bagi penanaman tumbuh-tumbuhan,” katanya menerusi kenyataan dikeluarkan.

Sementara itu, beliau berkata, pasaran hartanah

separuh kedua 2018 berkemungkinan akan menunjukkan peningkatan berikutan masih terdapat permintaan dalam pasaran hartanah daripada golongan berpendapatan sederhana.

“Golongan berpendapatan sederhana di Malaysia sedang meningkat dan bakal memerlukan kediaman dalam beberapa tahun lagi.

“Walaupun industri hartanah kompetitif, pembangunan yang mempunyai lokasi dan rekaan yang baik akan berjaya.

“Buat masa ini kami menumpukan usaha untuk menembusi pasaran dengan pembangunan yang didirikan di lokasi yang sesuai, rekaan inovatif dan menawarkan lebih nilai untuk pembeli,” katanya.